

Cagamas muktamadkan terbitan bon ringgit

KUALA LUMPUR - Cagamas Bhd. (Cagamas) mengumumkan terbitan Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) tiga tahun berjumlah RM1.5 bilion, terbitan bon ringgit terbesar bertempoh tunggal.

Hasil daripada terbitan itu akan digunakan untuk membiayai pembelian pinjaman daripada sistem kewangan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Chung Chee Leong berkata, saiz terbitan yang lebih besar dijangka menggalakkan kecairan dalam pasaran sekunder dan menyumbang secara positif kepada penemuan harga terbitan lain di peringkat domestik dan pada masa yang sama meningkatkan penerimaan pelabur terhadap

terbitan hutang Cagamas.

"Peserta pasaran kini berhati-hati terhadap kedudukan pasaran semasa yang mencabar, dengan ada dalam kalangan mereka yang memilih untuk tidak memasuki pasaran dan menunggu perkembangan lanjut dalam pasaran domestik dan antarabangsa," katanya.

Hasil daripada penglibatan berterusan dengan pelabur, syarikat itu berjaya menarik bidaan kompetitif, terutama daripada syarikat insurans dengan tempahan yang diterima daripada segmen pasaran ini menyumbang kira-kira 20 peratus daripada saiz terbitan.

Ya akan disenaraikan dan dinia-gakan menerusi Sistem Dagangan Sekuriti Tanpa Skrip. - Bernama